

# CHEST anjur k-Saintis 2

Hasil kejayaan saintis dan ilmuwan Islam mencipta tamadun suatu masa dahulu telah mencetuskan penganjuran Karnival Sains dan Tamadun Islam 2 (K-Saintis 2) oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST) baru-baru ini.

Karnival yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) itu bertujuan mengimbas kembali dan menghayati ilmu sains dalam era kegemilangan tamadun Islam masa lampau.

Menurut Pengarah Program K-Saintis 2, Muhammad Haidar Hussien, karnival itu diadakan untuk memberi kefahaman dan pengisian berkenaan penghayatan Sains dan Tamadun Islam kepada warga kampus UMP dan peserta terlibat.

“Ia juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang pentingnya sains, teknologi dan perniagaan dalam Islam.

“Program tiga hari itu memberi peluang kepada pelajar menjadi usahawan dengan membuka gerai jualan makanan, pakaian, rawatan mata Permata Hijrah dan sebagainya.

“Pelajar perlu ambil teladan daripada orang Islam zaman dahulu yang mana mereka berjaya dalam sains dan teknologi dan dapat menguasai dunia,” katanya

Perasmian K-Saintis 2 telah disempurnakan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham.

Turut hadir ialah Timbalan Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Naib Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Afif Abdul Aziz.

Bersempena K-Saintis 2 itu juga, para pengunjung yang terdiri daripada seluruh warga UMP turut dihiburkan dengan Konser

Nasyid kumpulan Rabbani.

Lebih 500 warga UMP hadir membanjiri Dataran Mekanikal bagi menyaksikan persembahan yang mengetengahkan genre nasyid sebagai hiburan alternatif ini.

Turut diperkenalkan bakat baharu kumpulan nasyid UMP, Imtiyaz dan persembahan lagu puisi Syi'r.

Selain itu, K-Saintis 2 turut mengadakan ceramah bertajuk ‘Mari Perhati Tentang Tanda’ yang disampaikan oleh Uztaz Azhar Jaafar, Pensyarah Pengajaran Islam, Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang (IKIP) dan forum bertajuk ‘Sains dan Teknologi Pemacu Kecemerlangan Ummah’.